

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 20 Jun 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, MEI 2023

- 1. Prestasi eksport Malaysia bertumbuh lebih baik pada Mei 2023, mencatatkan penurunan marginal 0.7 peratus**
- 2. Eksport dan import mencatatkan prestasi lebih baik pada Mei 2023, dengan penurunan marginal masing-masing 0.7 peratus dan 3.3 peratus**

PUTRAJAYA, 20 Jun 2023 – Eksport Malaysia pada Mei 2023, dilihat bertambah baik dengan penurunan kecil 0.7 peratus kepada RM119.6 bilion, tahun ke tahun, berbanding penurunan 17.6 peratus pada bulan sebelumnya. Import juga mencatatkan prestasi lebih baik dengan penurunan satu angka 3.3 peratus kepada RM104.2 bilion, tahun ke tahun. Seiring dengan itu, pertumbuhan dagangan Malaysia jatuh 2.0 peratus berbanding Mei 2022. Sementara itu, imbalan dagangan kekal mencatatkan lebihan dengan nilai RM15.4 bilion, memulih untuk mencatatkan peningkatan 21.4 peratus sebagai mana dilaporkan dalam **BULETIN PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, MEI 2023** hari ini. Buletin ini turut memaparkan prestasi produk bagi import dan eksport dan rakan dagangannya.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, penurunan kecil 0.7 peratus dalam eksport Malaysia pada Mei 2023 disokong oleh prestasi yang lebih baik dalam eksport domestik dan eksport semula. Eksport domestik bernilai RM93.7 bilion, menyumbang 78.3 peratus kepada jumlah eksport, menyusut 2.5 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas. Sebaliknya, eksport semula berjumlah RM25.9 bilion mengukuh 6.4 peratus berbanding Mei 2022. Import, bernilai RM104.2 bilion, susut 3.3 peratus daripada RM107.8 bilion pada Mei 2022. Seiring dengan prestasi eksport dan import, jumlah dagangan berkurangan 2.0 peratus kepada RM223.8 bilion, tahun ke tahun. Sementara itu, lebihan dagangan meningkat 21.4 peratus kepada RM15.4 bilion berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Berbanding April 2023, prestasi eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan menunjukkan peningkatan masing-masing 13.7 peratus, 12.6 peratus, 13.2 peratus dan 22.1 peratus.

Meninjau dari sudut kumpulan barangan, 88 daripada 259 kumpulan barangan eksport dan 121 daripada 259 kumpulan barangan import menunjukkan penurunan berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan bahawa pengurangan eksport disumbangkan terutamanya ke Bangladesh (-RM1.3 bilion), diikuti Taiwan (-RM860.3 juta), Hong Kong (-RM649.5 juta) dan Kesatuan Eropah (-RM598.9 juta). Sementara itu, penurunan import disumbangkan terutamanya dari Viet Nam (-RM2.9 bilion), Taiwan (-RM1.3 bilion), Amerika Syarikat (-RM909.9 juta) dan Hong Kong (-RM733.7 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, penurunan didorong oleh minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit (-RM3.5 bilion); barangan perkilangan berasaskan minyak sawit (-RM1.1 bilion); barangan besi & keluli (-RM617.0 juta) dan keluaran getah (-RM489.0 juta). Sementara itu, penguncupan import dicatatkan bagi barangan elektrik & elektronik (-RM7.0 bilion); arang batu, arang kok & briquet (-RM1.6 bilion) dan emas, bukan bentuk wang (-RM1.2 bilion).

Pada masa yang sama, penurunan import mengikut Penggunaan Akhir disumbangkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi barangan perantaraan. Import barangan perantaraan (53.1% daripada jumlah import) berjumlah RM55.3 bilion, jatuh RM7.8 bilion atau 12.3 peratus. Sebaliknya, import barangan modal dan barangan penggunaan mencatatkan kenaikan. Import barangan modal berjumlah RM10.0 bilion, meningkat 13.7 peratus berbanding Mei 2022, dan merangkumi 9.6 peratus daripada jumlah import. Barangan penggunaan (8.5% daripada jumlah import) mencatatkan kenaikan 4.5 peratus daripada RM8.5 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM8.9 bilion.

Di samping itu, prestasi keseluruhan bagi Januari hingga Mei 2023 yang meliputi, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan merosot berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Jumlah dagangan turun 1.7 peratus, selari dengan pengurangan eksport (-2.3%) serta import (-1.0%). Pada masa yang sama, lebihan dagangan mencatatkan penurunan 8.7 peratus kepada RM92.4 bilion.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the World with Data We Can Trust"*.

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahun dikeluarkan.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2021 – Mei 2023
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2018 – 2023 (Jan-Mei)



Carta 3: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC),
Jan 2021 – Mei 2023
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum
2018 – 2023 (Jan-Mei)



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

20 JUN 2023